

Sanggup kongsi duit beli dadah

WARTAWAN SINAR HARIAN

13 Mei 2012



Ketiga-tiga pelajar terbabit ditahan untuk siasatan lanjut

KULIM - Dua pelajar lelaki yang masih menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dan seorang pelajar tingkatan lima ditahan kerana terlibat dengan penyalahgunaan dadah di sebuah rumah di sini dalam satu serbuan jam 4 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendant Ghuzlan Saleh berkata, seorang daripada suspek memaklumkan rumah terbabit adalah milik keluarganya.

"Keluarganya di Pulau Pinang. Disebabkan itulah dia mengambil peluang menjadikan kediaman berkenaan sebagai port ambil dadah," katanya.

Menurutnya, sementara itu pelajar tingkatan lima berkenaan memaklumkan, masih ramai dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dalam penagihan dadah.

"Selain pelajar itu, ada kira-kira 10 pelajar lain yang terlibat. Pelajar itu juga mengaku sanggup berkongsi duit dengan kawan-kawan lain untuk membeli dadah."

"Ibu bapa juga tidak tahu kegiatannya selama ini kerana sering balik rumah lewat pagi dan ada kalanya tidak balik ke rumah langsung," katanya.

Ghuzlan berkata, walaupun Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ada membuat pemeriksaan rambang dengan mengadakan ujian saringan air kencing kepada pelajar bermasalah tetapi ia masih gagal ditangani.

"Saya minta ibu bapa jika ternampak perubahan yang berlaku kepada anak mereka supaya bertindak tegas dengan melaporkannya kepada AADK dengan segera."

"Rugi sekiranya dalam usia terlalu muda anak-anak mereka sudah mula menagih dadah, bayangkan apa akan berlaku apabila mereka meningkat dewasa," katanya kepada Sinar Harian

